

Lupus bayaran PTPTN dorong pelajar cemerlang

BH 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Majlis Belia Malaysia (MBM) yakin pelupusan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama atau setaraf, dapat mendorong pelajar melipatgandakan usaha bagi mencapai kejayaan cemerlang.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan MBM, Mohd Po'ad Jelani berkata, pemanusiaan itu juga sejajar dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang amat mementingkan ilmu pengetahuan.

Sabtu lalu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN tidak perlu membayar balik pinjaman itu jika memperoleh ijazah kelas pertama atau setaraf dengannya mulai tahun ini.

Bagaimanapun, caj perkhidmatan sebanyak empat peratus yang dikenakan PTPTN akan dikekalkan.

Musa berkata, caj perkhidmatan empat peratus bagi membiayai kos pengurusan yang sebenarnya melebihi kadar yang dikenakan kepada peminjamnya serta bertujuan mendidik pelajar menghargai nilai pendidikan apabila mereka perlu membiayai sendiri pengajian masing-masing.

Bilangan pelajar diploma dan ijazah pertama di insti-

tusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang menikmati pinjaman itu kini meningkat kepada kira-kira 233,000 orang.

PTPTN dijangka memerlukan RM13 bilion untuk menampung kira-kira 660,000 pelajar menjelang 2005.

Dalam kenyataan akhbar-nya di sini hari ini, Mohd Po'ad turut menyatakan kebimbangan terhadap bilangan pelajar Melayu yang terlalu sedikit mendapat kelas pertama berbanding bukan Melayu.

“Seharusnya peluang yang diberikan ini direbut sepenuhnya. Saya fikir sudah sampai masanya budaya belajar di universiti diubah kepada yang lebih berdisiplin.

“Pensyarah disaran member! bimbingan sewajarnya kepada pelajar yang tahap pembelajarannya kurang cemerlang,” katanya.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) turut menyambut baik pelupusan bayaran itu, tetapi mencadangkan supaya kerajaan mengurangkan faedah bayaran balik sebanyak empat peratus.

Setiausaha Agung PKPIM, Khairul Ariffin Mohd Munir berkata, jalan penyelesaian bagi menghapuskan kadar faedah bayaran balik itu, ianya perlu dicari bagi mengurangkan beban serta kesukaran yang bakal dihadapi graduan